

# Taylor's University, UIAM ungguli debat perdana

BERITA HARIAN 22/11/2016 P. 28

[FOTO NURUL SYAZANA ROSE RAZMAN/BH]



Azizah (belakang lima kiri) dan Dr Mizan (tengah) bersama pemenang Debat Perdana Gender Diraja (The Great Royal Gender Debate) 2016, kategori bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

**Gombak:** Taylor's University melalui pasukan A melakar sejarah tersendiri apabila julung kali mengungguli pertandingan Debat Perdana Gender Diraja (The Great Royal Gender Debate) 2016 bagi Kategori bahasa Inggeris, semalam.

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) menerusi pasukan A pula memenangi Kategori Bahasa Melayu, sekali gus mengulangi kejayaan dua tahun lalu.

Pada pertandingan akhir itu, pasukan Taylor's University A yang diwakili N Mahherrajan dan Amrit Agastia berjaya mengetepikan cabaran daripada Taylor's University B, UIAM A dan Universiti Asia Pasifik (APU).

## Tewaskan wakil UKM

Pasukan UIAM A yang diwakili Nur Anisatul Ashikin Abd Rauf dan Muhamad Sharulnizam Md Roni pula menewaskan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) B, Universiti Putra Malaysia (UPM) B dan Universiti Sains Malaysia (USM) A.

Kedua-dua pasukan johan membawa pulang wang tunai RM3,500 berserta piala pusingan, piala iringan dan sijil, manakala Amrit serta Nur Anisatul Ashikin turut menerima hadiah RM600 dan piala selepas dinobatkan pendebat terbaik pusingan akhir bagi kategori masing-masing.

Hadiah disampaikan oleh Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Azizah Mohd Dun yang juga merasmikan penutupan pertandingan itu di UIAM di sini.

Yang turut hadir Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar) UIAM merangkap Pengerusi Majlis Debat Universiti Malaysia (MADUM), Datuk Dr Mizan Hitam, dan Pengarah Institut Pengupayaan Wanita Bagi Anggota Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NIEW), Normalia Ibrahim.

Sementara itu, Amrit berkata, pasukannya menjalani latihan berterusan untuk memantapkan keserasian berikutnya. Mahherrajan pernah menjadi jurulatih beliau dalam debat.